

# **MENJAHIT LANGSIR ILHAM NISHA**





**Anda di benarkan mencetak manual ini untuk kegunaan anda sendiri dan memudahkan proses pembelajaran dan pembuatan projek anda.**

**Anda juga di benarkan mengeluarkan ulang atau menggunakan mana-mana bahagian manual ini dalam apa jua cara sama ada elektronik, mekanik, fotokopi, rakam atau pengstoran maklumat termasuk system dapat kembali dengan syarat tidak meninggalkan sebarang link yang di sediakan di dalam ebook ini dan tidak mengubah mana-mana bahagian di dalam ebook ini.**

**Hakcipta Terpelihara 2007 ©.**

**<http://www.ibumithali.com> & ILHAM NISHA.**

# **MENJAHIT LANGSIR ILHAMNISHA(set1) .**

## **IsiKandungan**

### **PENUTUP/PELINDUNG**

1. Pengenalan
2. Pembeliankain.
3. Ilhammencarianggaranukurankasaruntukpembelian kain.
4. Ilhammencariukurantepatuntukpembeliankain.
5. Ilhammengukur,mengguntingdanmenjahitkain.
6. MemasangdanmengantungLangsir.

### **LANGSIRBERLIPATV**

1. Ilhammencariukurantepatuntukpembeliankain.
2. Ilhammengukur,mengguntingdanmenjahitkain.
3. MemasangdanmengantungLangsir.

### **PERMASALANDANPENYELESAIAN .**



## LANGSIRPELINDUNG/PENUTUP

1. Pengenalan
2. Pembeliankain.
3. Ilhammencarianggaranukurankasaruntukpembelian kain.
4. Ilhammencariukurantepatuntukpembeliankain.
5. Ilhammengukur,mengguntingdanmenjahitkain.
6. MemasangdanmenggantungLangsir.

# MENJAHIT LANGSIR PELINDUNG DAN PENUTUP ILHAM NISHA.



Gambar 1 – Pembagian Langsir


## PENGENALAN

Pelindung dan penutup kebiasaannya sama sahaja cara menjahitnya. Ada jenis fabrik/kain yang mempunyai kempunyaibidangkain yang lebardimanamemudahkan dan menggantungnya kerana bahagian kaki tidak perlu tidak perlu ada cantuman kain di bahagian tengahnya . Ilham yang kami tunjukkan ini adalah bersesuaian untuk jenis kain yang berada di pasaran sekarang ini.

Menjahit pelindung/penutup bukanlah sesuatu yang terlalu sukar untuk melakukannya. Tetapi bagi kami di ILHAM NISHA sesuatu yang sukar ialah untuk mendapatkan hasil jahitan yang memuaskan. Bagi kami, anda mestilah memahami ciri-ciri kain yang ingin anda jahit. Adakah ia jenis kain baik atau kurang baik? Elastik atau mempunyai tekstur yang tetap? Lembut, keras atau kasar? Berapakah perbezaan tekanan jahitan antara sebelum dan selepas menjahitnya?

Bagi kami mengetahui perbezaan tekanan selepas jahitan amat penting. Kerana ia boleh menganggangkan lengkungan di bahagian tengah pelindung/penutup dan seterusnya dapat membuang lengkungan tersebut supaya ia menjadi sama. Kain yang paling susah untuk mendapatkan hasil yang memuaskan bagi kami ialah kain lembut dan elastik (seperti bergetah).

Penggunaan penyangkuk juga mempengaruhi kekemasan pelindung/penutup langsir anda. Jika anda tidak menggunakan penyeri langsir, sebaiknya gunakanlah penyangkuk langsir di bahagian tengah (rujuk gambar 2). Ia boleh menutupi trek langsir dimana trek langsir biasa (aluminium) tidak menarik jika ia terkeluar dari langsir anda. Jika anda menggunakan trek kayu/berbentuk batang kayu sebaiknya gunakanlah penyangkuk atas (rujuk gambar 2). Ia akan menampakkan kayu tersebut menjadikannya lebih berseri dan menyeronokkan.



Gambar 2

Menjahit pelindung dan penutup tidak banyak menggunakan mesin jahit tepi, karena untuk mendapatkan hasil yang lurus dan kemas, kain sebelah tepi sekali perlulah dilipatkan kedalam. Kemudian barulah dijahit lurus. Ia akan kelihatan lebih kemas. Pakar jahitan langsir akan menggunakan cara ini untuk menghasilkan jahitan yang kemas dan lurus bagi pelanggan mereka.

Di sini kami membahagikan pelindung dan penutup kepada dua bahagian iaitu:

**A. *Separuhlabuh.***



Gambar3

**Contoh penutup Separuhlabuh. Ia sesuai untuk tingkap rumah.**

**B. *Labuh***



Gambar4

**Contoh penutup Labuh. Ia sesuai untuk pintu dan tingkap rumah.**

## Pembelian kain.

Langsir memang memerlukan banyak kain terutama yang bahagian pelindung dan penutup. Jika anda mahu ia kelihatan lebih cantik, kedutan mestilah banyak, maka lebih banyak yang perlu anda beli. Jika anda mahu menggunakannya sekadar melindungi atau menutupi sesuatu tempat itu, belilah sekadarnya sahaja.

Sebelum membeli kain anda perlu mengetahui serba sedikit tentang pengiraan untuk pembelian kain. Bagi kami pembelian kain adalah bergantung kepada budget anda. Tidak kirakainitu mahal atau murah anda pasti dapat menghasilkan langsir yang cantik jika anda mengikuti semua langkah dan ilham yang kami berikan.


Jika anda ingin memudahkan/menyenangkan kerja anda untuk menjahitnya, sebaiknya belilah kain tebal dan mempunyai tekstur yang tetap/kekal.

Sebelum anda membeli kain, anda perlu mengukur dahulu setiap tempat yang ingin anda buat pelindung atau penutup, demi mengelakkan sebarang pembaziran samada anda terlebih membeli kain atau tidak cukup membeli kain langsir anda. Tidak cukup kain akan berlaku pembaziran juga iaitu masa. Mencari kain yang sama atau hampir sama bukan nyamudah. Kadang-kadang mengambil masa berhari-hari untuk mendapatkan kain tersebut apatah lagi jika tempat yang di mana anda membeli kain tersebut sudah kehabisan stok. Tetapi jika anda seorang yang kreatif anda tidak perlu bersusah-susah mencari kain yang sama. Untuk mengetahuinya, selalulah melihat, membaca, membeli dan menggunakan **ILHAM** kami. Anda pasti akan menjadiseorang kreatif akhirnya.

Berikut adalah pilihan bagi anda untuk mengira berapa meter kain yang perlu anda beli untuk membuat langsir penutup/pelindung iaitu:

- A. Anggaran ukur kasar
- B. Ukur tepat

Berikut adalah rajah ukuran yang diperlukan sebelum anda membeli dan membuat pengiraan.



**Rajah1**

## A. Anggaran Ukuran Kasar

### 1. Untuk mengira lebar kain (Kepingan kain langsir yang g di perlukan).

Daripada anggaran kasar di bawah ini, anda boleh membuat kiraan kasar untuk langsir anda dan boleh memilih kain daripada bidang mana yang anda inginkan.

i)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kedutan (mengosongkan 1 lubangpita).</li><li>- 1 keping kain berbidang 54inci-60inci.</li></ul>	untuk	1 panel tingkap/pintu berukuran ±2kaki (±24inci).
ii)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kedutan (mengosongkan 2 lubangpita).</li><li>- 2 keping kain berbidang 54inci -60inci.</li></ul>	untuk	3 panel tingkap/pintu berukuran ±6kaki (±72inci).
iii)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kedutan (mengosongkan 2 lubangpita).</li><li>- 3 keping kain berbidang 54inci-60inci.</li></ul>	untuk	4 panel tingkap/pintu berukuran ±8kaki (±96inci).
iv)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kedutan (mengosongkan 4 lubangpita).</li><li>- 1 keping kain berbidang 45inci-48inci.</li></ul>	untuk	1 panel tingkap/pintu berukuran ±2kaki (±24inci).
v)	<ul style="list-style-type: none"><li>- Kedutan (mengosongkan 2 lubangpita).</li><li>- 2 keping kain berbidang 45inci-48inci.</li></ul>	untuk	2 panel tingkap/pintu berukuran ±4kaki (±48inci).


**contohnya:** Kami bercadang membuat langsir penutup seperti di bawah,  
Ukuran tingkap - 4 panel (99 inci x 65 inci)  
kedutan - mengosongkan 2 lubang pita  
bidang kain - 60 inci

No.iii) Adalah paling sesuai untuk kami.

Jadi kami memerlukan **3keping** kain untuk langsir penutup kami.

## UNTUK RUJUKAN CARA-CARA MENGOSONGKAN LUBANG PITA

- a) Rajah di bawah adalah gambaran pengosongan untuk dua lubang pita. Jika anda mengosongkan satu lubang atau tiga lubang carayang sama juga di gunakan. Cuma bahagian lubang yang di kosongkan hendaklah diubah kepada pilihan yang anda buat.



**Rajah 2**

- b) Gambar di bawah adalah contoh langsir yang mengosongkan 2 lubang semasamemasang penyangkuk Langsir.



Dua lubang yang di kosongkan.

Gambar5

## 2. Untuk menggingiratinggikain.

i)	Tingkap biasa ( $\pm 45$ inci tinggi) Separuh labuh	perlu	1.5 meter-2 meter Fabrik/kain.
ii)	Tingkap tinggi (tingkap udara) Separuh labuh	perlu	2 meter-2.5 meter Fabrik/kain.
iii)	Tingkap biasa dan tingkap tinggi Labuh	perlu	2.5 meter-3 meter Fabrik/kain.
iv)	Pintu Labuh	perlu	2.5 meter-3 meter Fabrik/kain.

**Contohnya:** Kami ingin membuat langsir penutup tingkap biasa separuh labuh.

No. i) Adalah paling sesuai untuk kami.

Jadi kami memerlukan **2 meter** kain untuk langsir penutup kami.

- *untuk kain lembut anda perlu melebihi (basi kain) daripada ukuran yang anda inginkan kerana ia akan tekanan/kedutan yang banyak semasa anda menjahit banyak sedikit menghasilkan hagi tepikain.*
- *Untuk kain berbidang 110 inci anda tidak perlu meng kerana kebiasaannya ketinggian sesuatu pelindung/ anda buat adalah lebih rendah daripada bidang kain boleh terus mendapat berapa meter kain yang perlu di ukur tinggi pelindung/penutup anda melebihi daripada ukurannya bidangnya. Anda terpaksa mencari berapa kepingan kain yang diperlukan untuk 1 pintu/tingkap. ira kepingan kain enutup yang ingin tersebut. Anda i beli. Tetapi jika ada ukuran bidang n kain yang*
- *Jika anda inginkan kain langsir anda, bunga/coraknya selari (sama antara satu keping dengan cantuman kepingan satu lagi, anda perlu berhati-hati semasa membelinya. Anda perlu membeli lebih banyak kain langsir tersebut bergantung kepada jenis bunga/corak pilihan anda.*

3. Jumlah meter yang perlu di beli bagi pelindung/p enutup untuk satutingkap/pintuialah:

Formulanya:

$Keping \times Tinggi = Jumlah$

-  $Keping(No.1/i/ii/iii/iv) \times Tinggi(No.2i/ii/iii/iv) = Jumlah$

**Contohnya:**  $No.1iii \times No.2i = Jumlah(anggaran kasar)$   
 $3keping \times 2meter = 6meter$

Anggarankasarkain/fabrikyangperludibeliuntuk 1tingkap  
langsirpenutupkamiialah **6meter** .

## B. Ukuran Tepat

Ukuran tepat ini boleh di gunakan terus semasa anda ingin menggunting kain tersebut.


Untuk ilham ini anda perlu memastikan apakah yang anda inginkan daripada langsir/pelindung/penutup anda.

1) Apakah ukuran sebenar langsir(ukuran di trek Langsir) pelindung/penutup yang ingin anda buat?

Ukuran sebenar = Lebar x Tinggi

- i) Lebar = 99 inci
- ii) Tinggi = 65 inci

**Contohnya:** 99" x 65" (Contoh ukuran ini boleh di gunakan sebagai panduan sahaja. Anda boleh menggunakan ukuran anda sendiri sebagai ganti kepada contoh di bawah ini.)



Rajah 3

2) Berapakah jarak kedutan yang ingin anda buat pada 1 angsir pelindung/penutup anda?

Carapengiraankedutanadalahsepertidibawahini :

- i) Tiada jarak : lebarx3
- ii) Kosongkan 1 lubang pitalangsir : Lebarx2.5
- iii) Kosongkan 2 lubang pitalangsir : Lebarx2
- iv) Kosongkan 3 lubang pitalangsir : Lebarx1.5

**Contohnya:** kami memilih No.iii).  
99inci x 2 = 198inci.

**198inci** adalah untuk lebar kain/fabriki yang perludibeli.

3. Jika anda menggunakan kain berbidang 45 inci-48 inci, 54 inci-60 inci atau 110 inci keatas. Berapa keping yang anda perlukan?

Bidang Kain

- i) 48 inci (45 inci-48 inci)
- ii) 60 inci (54 inci-60 inci)
- iii) \*110 inci keatas

Formulakira tepat adalah seperti dibawah ini:

$$\begin{aligned} \text{Lebar} \times \text{Kedutan} \div \text{Bidang kain} &= \text{Keping kain} \\ &= \frac{2i/\text{ii}/\text{iii}/\text{iv}}{3i/\text{ii}/\text{iii}} = \text{Keping kain} \end{aligned}$$

**Contohnya:** kami memilih kain berbidang 60 inci.

$$\begin{aligned} &= \frac{2(\text{iii})}{60 \text{ inci}} = \frac{198 \text{ inci}}{60 \text{ inci}} \\ &= 3.3 \text{ (nombor bulat yang hampir dengan ukuran sebenarnya ialah 3)} \\ &= 3 \text{ keping.} \end{aligned}$$

Jadi anda memerlukan **3 keping** kain untuk membuat 1 tingkap/pintu untuk ukuran pelindung/penutup anda.

*\*untuk kain berbidang 110 inci keatas, anda tidak perlumengiraberapa keping kain yang akan digunakan. Anda perlutahu berapa meter kain yang perludibelikera nakebiasaan ukur antinggis esuatulang sir untuk tingkap/pintu tidak melebihi 110 inci. Jika ukuran yang ingin anda buat melebihi ukuran bidang kain anda terpaksa mencari berapa kepingan yang diperlukan sebelum anda mengiraberapa meter diperlukan.*

4) Berapakah meter kain yang anda perlukan untuk 1 tingkap/pintu bagi pelindung/penutup anda?

$$\frac{\text{Tinggi} + (8\text{inci} - 10\text{inci}) \times \text{keping}}{39\text{inci} (1\text{meter})} = \text{meter}$$

Contohnya:  $(65\text{inci} + 10\text{inci}) \times 3\text{keping}$

$$\frac{39\text{inci} (1\text{meter})}{(75\text{inci}) \times 3\text{keping}}$$

$$= \frac{39\text{inci} (1\text{meter})}{(75\text{inci}) \times 3\text{keping}}$$

$$= \frac{39\text{inci} (1\text{meter})}{(75\text{inci}) \times 3\text{keping}}$$

= 5.8 meter (nombor bulat yang paling hampir ialah 6)

Anda memerlukan **5.8 meter** kain untuk 1 pintu/tingkap bagi membuat pelindung/penutup langsir. Sebaiknya semasa membeli lebihkan sedikit ukurannya, jika ada apa-apa berlaku semasa menggantung atau menjahit nanti bolehlah anda menggunakan kain lebihan tersebut. Kami cadangkan anda membeli **6 meter** atau **6.5 meter**. Jika tiada apa-apa yang berlaku bahagian lebihan kain itu bolehlah anda gunakan untuk membuat pengikat langsir atau aksosari langsir yang lain.

\* *Jika anda menggunakan kain tebal dan mempunyai tektur yang tetap tidak perlu melebihi/basi kain terlalu banyak cukuplah sekadar 8 inci (bagi lipatan kedalam 6") tetapi jika anda menggunakan kain yang lembut dan nipis lebihan/basi 10" adalah lebih baik. Kerana ia menggunakan tekanan jahitan yang banyak dan menyebabkan kain teraik dari ukuran semestinya lebih banyak daripada kain tebal dan bertekstur tetap.*



# MENJAHIT LANGSIR PENUTUP/PELINDUNG

## 1. Mengukur, Menggunting dan menjahit pelindung/penutup Langsir.

### a) MENGUKUR

- i) Untuk mengetahui ilham menggunting kain sila lihat formuladanrajahdibawah.

Anda perlu tahu berapa ketinggian yang anda inginkandanteruskandenganilhamdibawahini.

Ukurantinggisebenar+10inci.

**Contohnya:** 65inci+10inci=75inci

- ii) Rujuk bahagian B(ukuran tepat) No.3 untuk mengetahuiberapakepingankainyangdiperlukan.

**Contohnya:** Setelah kami membuat kiraan (lihat bahagian contoh Bahagian B No. 3), kami memerlukan 3 keping kain langsir untuk membuat penutup langsir.


Setiap lakaran cara menjahit Pelindung/ Penutup lang mengikut ilham demi ilham. Sebagai contoh, no. 1 h dahulusebelum andamelakukan langkahno.2.

sir **ILHAMNISHA** aruslah dilakukan

## b) MENGGUNTING

- i) Rajah di bawah menunjukkan 3 keping kain untuk meng pelindung/penutuplangsir yang berukuran 99"x6 5".

1. Ukur dan gunting mengikut ukuran yang telah anda lakukan.



Rajah4


- Jika anda inginkan kain langsir anda bunga/coraknya selari (sama antara satu keping dengan kepingan yang di cantumkan satu lagi), anda perluberhati-hatisemas menguntingnya. Pastikan bahagian tepikain kepingan pertama yang telah di gunting, bunganya sama dengan kepingan yang lain. Tindihkan tepi kain pertama dengan tepi kain kedua. Jika anda pasti kedua-duanya apabila di cantumkan, ia sama dari segi bentuk, bunganya tidak lari atau sebagainya, barulah anda menandakan, mengukur dan mengguntingkan kain tersebut. Dengan cara ini, anda perlu membeli lebih banyak kain, bergantung kepada corak/bungayangandapilih.

- ii) **Tentukan apakah pilihan anda samada anda ingin mencantumkan kain menjadikan 2 keping atau menggunakan 3 keping kain tiada sebarang cantuman. Yang paling mudah menggunakan 3 keping kain (tiada sebarang cantuman kain).**

**Di sini kami ingin menunjukkan kepada anda ilham mencantumkan 3 keping kain, untuk di jadikan 2 keping kain langsung sirpelindung/penutup.**

- iii) Ambil salah satu kain tadi dan lakukan seperti ditunjukkan dalam rajah dibawah.


2. lipat dua kain. Samakan setiap tepi kain dan gunting bahagian tengahnya supaya menjadi 2 keping.



3. lipatkan ke belakang kain selebar 1 " peniti /jeluju /gosok. Lakukan di kedua-dua bahagian kain (seperti garisan merah).


Rajah5

- iv) Rajah di bawah menunjukkan sekeping kain yang telah di belah/diguntingmenjadiduakepingyangberasingan.



Rajah6

- v) Kepingan kain yang telah siap digunting (rajab 4) di atas di ambildanditeruskansepertidibawahini.




Rajah7

c) **MENCANTUMKAIN LANGSIR**

i) **Teruskan projek anda dengan melihat rajah dibawah ini.**

**6.** Tindihkan kain yang berukuran  $\frac{1}{2}$  keping ke atas kain A, betul-betul berada di atas garisan berwarna merah jambu. Penitikan/jelujurkan dan jahit. Lakukan di kedua-dua kepingan kain (Kain A dan C).



## Rajah 8


-27 -

Hakcipta Terpelihara 2007 © ibumithali.com & ILHAM NISHA. Andadibenarkan menggunakan sertamengedar kanebook ini untuk kegunaan anda sendiri atau untuk mempromosikan produk anda. Sekiranya anda telah menerima manual ini secara berbayar dan anda rasa tidak selesa dengan perubahan atau buku ini, sila hubungi dan laporkan kepada kami di <http://www.ibumithali.com> & ILHAM NISHA. Kerjasama anda amatlah dihargai dan erimaka sihkami ucapkan terutamanya sekali dalam menanganikan kesalahan cetak rompak hartai telek.

**Dibawah adalah antar gambar-gambar yang boleh dijadikan panduan untuk membuat cantuman kain.**



**Gambar6  
Gambar di atas dan kiri  
menunjukkan lipatan  
kebelakang dan juga cara  
tindih kain.**




**Gambar7  
Gambar kiri  
menunjukkan  
lipat dari atas  
semasa menjahit.**



**Gambar8  
Gambar kiri  
adalah kain yang  
telah siap dijahit.**

d) Untuk menjahit bagian tepi kain(kiri dan kanan) s lepas mencantumkan bahagian tengah,lakukansepertidid alamrajah dibawahini.

i) Menandabahagian tepikain




**Rajah9**

\* *Jika anda menggunakan kain yang lembut dan mempunyai tekstur yang elastik, sila lihat bahagian pemasangan dan*

*penyelesaian untuk memudahkan anda melipat, menanda dan menjahitnya.*


ii) Melipat bagian tepikain.



**8.** Anak panah menunjukan basi kain yang telah dilipatkan kebelakang (lihat perubahan garisan merah). Lipat kain kebelakang sekali lagi sebesar basi kain yang telah di lipat. Penitikan/jelujurkan dan jahit sehingga selesai. Lakukan di setiap tepi (kiri dan kanan) kain anda dan di kedua-dua keping kain tersebut.

**Rajah10**

iii) **Lipatanbelakangyangtelahdijahit.**




**9.** Anak panah menunjukan lipatan kebelakang yang telah selesai dijahit(perhatikan perubahan kedudukan garisan berwarna merah) .

### Rajah 11

e) Untuk memastikan kain langsir penutup sama tinggi di setiap tepidantengahsilalihatrajahdibawahini.

**13.** Lihatlah bahagian atas dan bawah lipatan kain anda. Jika ada sebarang lenkungan terutama di bahagian lipatan tengah atau kain bahagian atas dan bawah tidak sama, anda perlu menggunakan pembaris /mengukur semula untuk meluruskannya. Lihat gambar di bawah.

**14.** Carilah ukuran yang boleh menyamakan semua bahagian lipatan kain. Garis lurus dan guntingkan mengikut garisan yang di buat.



**15.** Lihatlah bahagian atas dan bawah lipatan kain anda. Jika ada sebarang lenkungan terutama di bahagian lipatan tengah dan kain bahagian atas dan bawah tidak sama, anda perlu menggunakan pembaris untuk meluruskannya. Lihat contoh gambar di bawah.

**16.** Carilah ukuran yang boleh menyamakan semua bahagian lipatan kain. Gariskan lurus dan guntingkan mengikut garisan yang di buat.

## Rajah12


- *Lakukan ilham ini untuk kedua-dua keping kain penutup langsiran anda.*
- *Jangan ditegangkan atau dipaksakan interutamadi bahagian lipatantepi, semasa mengukur kain tersebut .*

Gambar dibawah contoh bahagian kakikain langsiran yang diukur semula untuk menyamakannya.



Gambar sebelah menunjukkan bahagian atas dan bawah kain yang tidak sama setelah membuat jahitan tepi.

Gambar9




Gambar sebelah menunjukkan bahagian atas dan bawah kain yang telah di gunting bagi menyamakannya supaya selari dari hujung tepi kiri hinggakanan.

Gambar10

2. Untuk mendapatkan ilham menjahit pita penyangkuk la ngsir andadenganmudahsilarujukgambarajahdibawahi ni.

i) Menandakanbahagianataskainlangsiruntukmemb uatlipatan.


**17.** Gariskan/tandakan selebar 2" dari bahagian atas kain. Lipatkan ke belakang bahagian atas hingga kegarisan yang telah ditandakan tadi. Setelah dilipat bahagian atas akan berbaki 1" sahaja.



Rajah13


ii) Menjahit pita.

**18.** Letakkan pita selari atau turunkan  $\frac{1}{2}$  cm di atas tepi kain yang telah dilipatkan. Begitu juga bahagian tepi kiri dan kanan kain samada selari atau  $\frac{1}{2}$  cm dari tepi. Terus jahit dengan mesin mengikut anak panah berwarna merah.



Rajah 14

iii) Menjahit pita.




Rajah 15

\* Lakukan perkarayang sama di kepingan satulagi.


3. Untuk mendapatkan ilham yang lebih tepat dan memudahkan anda menjahit bahagian lipatan kaki kain langsir penutup anda, sila rujuk gambarajah dibawah ini.

i) Bentangkan langsir penutup yang telah siap dijahit pita penyangkuknya. Bahagian depan dipermukaan atas dan lipatan dua kaintersebut. Lihat rajah dibawah ini.




Rajah16

- \* *Jangan ditarik atau ditegangkan semasa mengukur. Biarkan seadanya.*
- *Jika anda membuat penutup langsir betul-betul mencekuk kami:*
  1. *menggunakan penyangkuk atas-hendaklah lebih 1/2 inci dari ukuran sebenar.*
  2. *menggunakan penyangkuk tengah-hendaklah lebih 1 inci dari ukuran sebenar.*



Gambar 11


- ii) Ilhammenandabahagianlipatankebelakngan kedalamkakikain langsir.



Rajah17

- \* *sebaiklipatankebelakangadalahantara3incih ingga6inci.Dalam contohdiataskamimenggunakanlipatankebelakang setinggi5".*


- iii) Terbalikkankainlangsirtersebut(bahagianbe lakangdiperlukan atas,manakalabahagianyangtelahdigariskebawah h).Teruskan denganilhammenandabahagianlipatankebelakangd ankedalam kakikainlangsir



Rajah18


- \* Setelah semuanya selesai. Cabutkan penitidan bent angkankaintersebut. Pastikangarisanyangandalakukantadibertemuant arasatusamalain. Jikatidak,carilahdimanasilapnya.

Dibawahiniadalahgambarcontohlipatanuntukpan duan danmemudahkanandameneruskanprojekini .



Lipatankedalam


Gambar12



Lipatankebelakang


Gambar13

- iv) Gambar bagian belakang kain yang telah siap ditandakan dan dibentangkan.



Rajah 19


v) **Ilham membuat lipatan ke dalam kakikain langsir** .



**30.** lipatkan bagian bawah kain sehingga ke atas garis berwarna merah. Jeluurkan. Setelah dilipat, bagian bawah akan berbaki 2" sahaja.

## Rajah20

vi) Ilham membuat lipatan ke belakang, kaki kain la ngsir.




**31.** Bahagian kaki kain yang telah dilipat tadi di tarik hingga ke atas garisan hijau. Jeluurkan/penitikan.

## Rajah21

- *Jarak antarapeniti 6" (sejengkal) atau kurang bagi memudahkan andamenjahit danmendapatkanhasil yangmemuaskan.*

- *Jarak antarpeniti dengan jarum mesin jahit adalah 1/2" untuk memudahkan dan memudahkan menjahit.*

vii) **Gambaran bagian penutup langsir yang telah dilipatkan, di penitikan atau dijelurkan.**




**Rajah 22**

4. **Ilham menjahit bahagian lipatan kaki kain langsir pelindung/penutupanda,silarujukrajahdibawah ni.**

i)

**33.** Tegangkan kain dan jahitlah menggunakan mesin jahit. Cabutlah peniti apabila semuanya selesai.



**32.** Jahit bahagian tepi kiri dan kanan kain bagi menutupi belahan lipatan kaki kain langsir.


**Rajah23**

Ilham yang kami tunjukkan di atas, hanya sesuai bagi i bahagian pelindunganpenutupsepertidibawahini:

1. Separuhlabuh
2. Labuh tetapi mempunyai ketinggian trek langsir yang g samadikiridankannya.
3. Menggunakankain/fabrikyangberteksturtetap.

5. Bagi yang mempunyai ketinggian trek yang tidak sama dan tidak menggunakan fabrik yang bertekstur tetap, kami cada ngkan anda perlulah mengikut ilham kami dari awal sehingga ke rajah 15. Seterusnya anda perlulah menyangkut/mengantung dahu lu pelindung/penutup tersebut ke trek langsir. Lakukan penandaan bahagian kakilangsir dengan menggunakan jarum peniti, selepas anda menggantung langsir anda. Penandaan hendaklah di buat di bahagian hadapan kain dari hujung ke hujung sehingga selesai dan jarak penandaan itu tidak boleh lebih daripada 6” (sejengkal) untuk mendapatkan hasil yang memuaskan. Ikutlah cita rasa anda samada ingin mencecah lantainya atau tinggisedikit (tergantungan) dari lantainya.


- i) Turunkan pelindung/penutup dari treknya. Terus an langkah di bawah untuk membuat lipatan kakikain langsir.



**Rajah 24**

- nombor turutan yang digunakan di dalam kotak arahan adalah turutan selepas rajah 15).

ii) Membuat lipatan ke belakang.



**24.** Gariskan selari dengan jarum peniti di bahagian belakang kain. Tanaalkan jarum peniti.

**25.** Lipatkan bahagian bawah kaki kain sehingga ke garisan yang berwarna merah. Setelah di lipat bahagian bawah berbaki 2".

**26.** Seterusnya lipatkan betul-betul di atas garisan berwarna ungu. Penitikan/jelujurkan.

**Rajah 25**

iii) Teruskan menjahit lipatan kakikain hingga selesai. Sila rujuk no.4 (rajah 23).

## 5. MEMASANG PENYANGKUK LANGSIR PENUTUP/PELINDUNG.

Penyangkuk langsir yang terbaik untuk digunakan ialah penyangkuk berjari empat. Jika anda menggunakan trek biasa, penyangkuk bahagian tengah adalah paling sesuai digunakan manakala jika anda menggunakan trek jenis batang/berkayu penyangkuk atas paling cantik digunakan. Lihat gambar 2 membuat penutup/pelindung langsir untuk mengetahui jenis penyangkukserta lihat gambar di bawah ini untuk memudahkan anda memahaminya.

Sila lihat gambar di bawah ini untuk memudahkan anda memahaminya.



Gambar 14  
Gambar kiri adalah pemasangan penyangkuk penuh

Gambar 15  
Gambar kanan adalah pemasangan dengan mengosongkan 1 lubang.



Gambar 16  
Gambar kiri adalah pemasangan dengan mengosongkan 2 lubang.



## 6. MENGANTUNGLANGSIRPENUTUP/PELINDUNG

Anda boleh menggunakan trek kayu ataupun trek biasa untuk menggantungkan langsirpatenpenutup. Manakala untuk langsirpelindung biasanya menggunakan trek biasa kerana ia biasanya di letakkan di bahagian belakang langsir penutup. Walau bagaimanapun ada juga yang ingin mencari kelainan dengan memasang penutup di bahagian belakang manakala pelindung di bahagian hadapan. Maka penggunaannya boleh ditukar sebaliknya.

Di bawah ini adalah satu contoh langsir penutup yang telah siap di jahit dan digantungkan.



Gambar17

# SELESAI

-51 -

**SAYA AMAT BERHARAP ANDA SEMUA BERPUAS HATI DENGAN CARA PENYAMPAIAN INI. JIKA ADA SEBARANG KOMEN SILA HUBUNGI PIHAK SYARIKAT ILHAM NISHA MELALUI EMAIL, DAN FAX. KAMI MEMOHON BERBANYAK MAAF DI ATAS SEGALA KEKURANGAN DI DALAM EBOOK SAYA INI DAN TERIMA KASIH KAMI UCAPKAN SEGALA KERJASAMA DAN KOMEN DARI ANDA SEMUA.**

**SAYA BOLEH DI HUBUNGI SEPERTI DI BAWAH INI:**

E-MAILkan kepada saya ke,

1. [mmusmf@streamyx.com](mailto:mmusmf@streamyx.com)

atau

2. Faxkan kepada kami di nombor,  
06-6795592

